

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN

[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) punca kebakaran yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada 25 Oktober 2016 ; dan
- b) bagaimana Kerajaan memastikan insiden seperti ini tidak berulang di hospital-hospital lain yang berusia puluhan tahun di seluruh Negara

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , sehingga kini punca kebakaran masih lagi tidak diketahui memandangkan ianya masih lagi dalam peringkat siasatan pihak BOMBA.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Bebas Teknikal bagi menyiasat dan mengkaji punca kebakaran secara terperinci dari sudut teknikal terdiri daripada Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Suruhanjaya Tenaga, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Salah satu perkara yang juga dibincangkan dalam Jawatankuasa tersebut adalah mengenai pelaksanaan audit kebakaran di semua fasiliti kesihatan di bawah Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) bermula dengan hospital/ institusi lama.